

Headline **TV9 fokus 'kerusi panas'**  
Date **06. Mar 2008**  
Media Title **Harian Metro**  
Section **Rap**  
Circulation **336603**  
Readership **2192000**

Language **MALAY**  
Page No **18**  
Article Size **349** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**



# TV9 fokus 'kerusi panas'

Siar keputusan penuh, tampil tokoh profesional  
kendalikan program khas Pilihan Raya Umum ke-12

**S**EMPENA Pilihan Raya Umum ke-12 Sabtu ini, semua stesen televisyen tempatan berlumba-lumba tampil dengan program khas meraih perhatian penonton untuk terus setia bersama stesen mereka.

Bagi stesen baru seperti TV9, mereka juga tampil dengan program khas, Keputusan Pilihan Raya Umum ke-12 yang bakal bersiaran secara langsung dari Studio C, Sri Pentas pada jam 8.30 malam, Sabtu ini, pastinya mewarnai musim pilihan raya kali ini.

Ketua Pengarang, Jabatan Berita TV9, Sa'adullah Che Noor, berkata pihaknya juga menampilkan hos bukan calang-calang mengendalikan program ini iaitu Pengarah Institut Kajian Etnik KITA, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Dr Shamsul Amri Baharudin (Shamsul).

"Shamsul bukan nama asing dalam program seperti ini kerana pernah menjadi hos Perhimpunan Mesyuarat Agung Umno dan program lain berkaitan.

"Kami memilih Shamsul dan bukan pengacara lebih komersial sedia ada kerana ini bukan program hiburan, sebaliknya topik serius yang lebih sesuai dikendalikan pakar akademik," katanya ketika ditemui di pejabat TV9, Sri Pentas, baru-baru ini.

Sa'adullah berkata, Shamsul akan ditemani beberapa panel jemputan yang juga penganalisis politik lain seperti Ketua Jabatan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Rashila Ramlil; Pakar Sosiologi, Jabatan Kerajaan dan Pengajian Sivil, Universiti Putra Malaysia, Dr Lee Yok Fee.

"Program ini lebih spesifik



**ff**  
Kami memilih Shamsul dan bukan pengacara lebih komersial sedia ada kerana ini bukan program hiburan sebaliknya topik serius yang lebih sesuai dikendalikan pakar akademik"

>Sa'adullah Che Noor  
Ketua Pengarang Jabatan Berita TV9

dan bukan sekadar menyiarkan keputusan pilihan raya. Pasukan Shamsul juga akan menganalisis dan membentangkan keputusan pilihan raya.

"Pakar berkenaan juga akan memberi komen mengenai keputusan pilihan raya mengikut kawasan yang bertanding. Keputusan yang disiarkan juga dibantu dengan carta pai dan grafik mengikut kawasan terbabit," katanya.

Sa'adullah berkata, pihaknya turut membuat lintas langsung keputusan pilihan raya menerusi wakil TV9 atau

Headline TV9 fokus "kerusi panas"  
Date 06. Mar 2008  
Media Title Harian Metro

wartawan yang ditempatkan di lokasi tertentu terutama di kawasan majoritinya bangsa Melayu, contohnya di Terengganu, Kota Bharu, Alor Star dan Kuantan.

"Contohnya, wartawan berkenaan menemubual Menteri Besar Terengganu untuk memberi komen mengenai keputusan di kawasan masing-masing.

"Pihak kami juga menempatkan 20 wartawan atau wakil bagi membuat liputan sepanjang pilihan raya," katanya.

Bagaimanapun kata Sa'adullah, pihaknya hanya memilih kawasan dikategorikan sebagai 'kerusi panas' atau menjadi tumpuan ramai diberi keutamaan.

"Contohnya, kawasan Lembah Pantai yang menampilkan persaingan antara Datuk Seri Shahrizat Abd Jalil (Barisan Nasional) dan Nurul Izzah (Parti Keadilan)," katanya.

Sa'adullah berkata, pihaknya sentiasa mengemaskini keputusan pilihan raya dengan menyiarkan hanya keputusan yang sudah disahkan kerajaan dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

"Pihak kami juga berkongsi sistem data sama dengan TV3 dan kita juga ada kerjasama dengan Bernama. Pihak stesen akan menyiarkan keputusan pilihan raya sehinggalah mendapat arahan daripada pihak atasan. Pihak kami berharap semua keputusan dapat diterima pada jam 12 tengah malam.

"Selain itu, pihak stesen turut menyiarkan perkembangan terkini keputusan pilihan raya 'Detik Penentuan' dari lokasi pada jam 11 pagi, 1 tengah hari, 3 petang dan 5.30 petang," katanya.

Pada masa sama, pihaknya berharap dengan kelainan sedia ada, penonton akan memilih stesen TV9.